Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Bilakah _____ akan ke rumah saya?" tanya Husna kepada rakan-rakannya.

A awak
B engkau
C mereka
D kalian

2.

Nenek _____ baju cucunya untuk menyambut hari raya menggunakan mesin.

A menjahit
B menenun
C menekat
D menyulam

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

3. I Merdu sungguh suara Anita ketika mendendangkan lagu *asli* itu.
II Masyarakat orang *asli* di kawasan pedalaman itu sudah mula menerima pembaharuan.
III Petroleum dan gas *asli* merupakan sumber mineral yang tidak boleh diperbaharui.
IV Keong sudah tidak berasa *asli* di tempat kerja baharunya itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

4. I Kemalangan itu berlaku disebabkan oleh keadaan jalan yang *licin*.
II Dalila terpegun apabila melihat wajah Anis yang gebu dan *licin* itu.
III Husna terhoyong-hayang lalu terjatuh apabila memijak lantai yang *licin* itu.
IV Fauzi bernazar untuk *licin* kepalanya jika dia lulus dalam ujian.
A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat-ayat yang berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A**, **B**, *atau* **C** *jika ayat itu* **mengandungi kesalahan** *dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

5. Haziq menghadiahkan sebutir subang kepada ibunya pada minggu lepas.
A menghadiahkan sepasang subang
B menghadiahi sebutir subang
C menghadiahi sepasang subang
D menghadiahkan sebutir subang

6. Pengetua sekolah sungguh gembira apabila melihat murid berdisiplin dan bersemangat waja.
A gembira bila melihat murid
B gembira bila memperlihatkan murid
C gembira apabila memperlihatkan murid
D gembira apabila melihat murid

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Para-para peserta saling bertukar-tukar alamat selepas majlis perpisahan itu.
II "Hamba berjanji akan membalas segala jasa dan pengorbanan ibu dan ayah," bisik Faisal.
III Ahli gusti itu berjaya menjatuhkan lawannya sebanyak empat kali.
IV Guru-guru itu sedang membincangkan masalah disiplin murid.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Bungkusan itu akan diposkan oleh saya pada petang ini.
II Berbagai cara telah dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengurangkan masalah disiplin murid.
III Diana disenangi oleh rakan-rakannya kerana sikapnya yang baik dan peramah.
IV Penduduk Kampung Terian membaiki jambatan yang roboh itu secara gotong-royong.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

9. **Kebakaran di rumah sewa itu semalam telah mengorbankan empat orang kanak-kanak.**
A Empat buah rumah sewa telah terbakar semalam sehingga mengorbankan kanak-kanak.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

B Empat orang kanak-kanak maut dalam kebakaran yang berlaku di rumah sewa itu semalam.

C Kanak-kanak yang berumur empat tahun telah terkorban dalam kebakaran di sebuah rumah sewa semalam.

D Sebuah rumah sewa yang terbakar pada pukul empat petang semalam telah menyebabkan kanak-kanak terkorban.

Soalan 10

Pilih **peribahasa** *yang* **paling sesuai**.

10. Apabila melakukan sesuatu pekerjaan yang baik hendaklah disudahkan sehingga sempurna.

Pernyataan di atas berkaitan dengan maksud peribahasa

A alang-alang mandi biar basah.

B sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.

C diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.

D kalau tak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah.

LIVEWORKSHEETS